

**SOALAN NO: 338**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil Kementerian untuk memastikan harga ubat-ubatan dan kos rawatan tidak dinaikkan hasil perjanjian TPP terutama di klinik-klinik dan hospital swasta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Obligasi Negara di bawah TPPA untuk farmaseutikal dalam Bab Harta Intelek yang merangkumi Pelarasan Tempoh Paten, *Patent Linkage* dan Perlindungan Data Farmaseutikal memberi kesan atau impak yang minima kepada industri generik dimana tidak akan ada kelewatan kemasukan ubat generik ke pasaran. KKM akan terus memantau harga ubat dan memastikan pesakit mendapat akses kepada ubat-ubatan.

Ingin ditekankan juga di sini bahawa hak harta intelek bukan penentu tunggal kos ubat. Harga ubat sebenarnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti kadar tukaran mata wang, kos pengeluaran dan

pemasaran, harga bahan aktif farmaseutikal dan bahan pembungkus yang diimport, rejim perolehan dan lain-lain.